

27 OCT 1998

Mahathir-Renong

BANTUAN KERAJAAN TIDAK HARUS DITAFSIR SEBAGAI PILIH KASIH

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, apabila kerajaan membantu sektor swasta ia bukan bertujuan menyelamatkan orang tertentu.

Merujuk kepada penyusunan semula kedudukan kewangan Renong Bhd yang membabitkan pengeluaran bon yang dijamin oleh Perbadanan Pembangunan Infrastruktur (IDC), yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan, beliau berkata: "Kita perlu membuatnya demi kebaikan negara."

Kerajaan akan berbuat apa sahaja yang boleh untuk membantu sebuah syarikat yang besar seperti Renong, kata beliau pada persidangan berita selepas merasmikan "Heli-Asia 98," pameran helikopter kegunaan awam dan ketenteraan anjuran Shephard Conference and Exhibitions Sdn Bhd di Mines, Sungai Besi di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata: "Jangan ingat Halim (Tan Sri Halim Saad) sahaja sedangkan pendapatan beribu-ribu orang akan terjejas jika Renong meredum.

"Ramai pelabur juga akan kehilangan wang yang banyak."

Tan Sri Halim Saad merupakan Pengerusi Eksekutif Renong Bhd, syarikat infrastruktur utama di negara ini.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata kerajaan tidak memberi jaminan bagi semua pelaburan sektor swasta, dan menambah kata "jika perlu kita membantu, kita akan membantu."

Renong mengumumkan penyusunan semula hutangnya yang membabitkan pengeluaran bon yang dijamin oleh kerajaan bernilai RM10.5 bilion untuk membayar balik hutang kumpulan itu.

Langkah itu adalah bagi memastikan pelbagai projek infrastruktur yang dikendalikan oleh Kumpulan Renong tidak terjejas dan hutangnya kepada si piutang dibayar.

Sebelum ini Perdana Menteri telah menyatakan yang kerajaan masih mengkaji cadangan pengeluaran bon oleh Renong untuk menyusun semula kumpulan itu dan beliau telah meminta maklumat lanjut mengenainya memandangkan ia wajar dikaji.

"Kita belum memutuskan sama ada meluluskannya atau tidak," kata Dr Mahathir dua minggu lalu selepas mempengerusikan mesyuarat anggota Parlimen Barisan Nasional menjelang persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

-- BERNAMA

AD DVS PR